



**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B8
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8888 3834
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Ruj. Kami : BIUPA.100-7/11 (44)

Tarikh : 12 Disember 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Tuan/Puan,

**PENYELARASAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN DAN LAYANAN BAGI LAWATAN
RASMI KENAMAAN NEGARA ASING KE MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/tuan/puan, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (BIUPA) berperanan untuk memudahcara penyediaan kemudahan dan layanan kepada kenamaan Negara asing yang melakukan lawatan rasmi ke Malaysia. Dalam hubungan ini, kelulusan taraf tetamu daripada YAB Perdana Menteri (bagi jawatan Timbalan Menteri dan ke atas) atau Ketua Setiausaha Negara (bagi jawatan pegawai kanan Kerajaan) hendaklah diperoleh bagi membolehkan kemudahan dan layanan disediakan. Kelulusan ini akan menjadi punca kuasa pihak kementerian/agensi dalam urusan perolehan dan penyediaan kemudahan dan layanan tersebut.

3. Pada masa ini, kaedah pemberian taraf tetamu adalah berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 9 Tahun 1981: Jemputan/Lawatan ke Malaysia oleh Tetamu-Tetamu dari Luar Negeri yang antara lain menjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh setiap kementerian/agensi berhubung permohonan taraf tetamu. Sehubungan dengan ini, pihak kementerian/agensi hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- i. terma yang digunakan adalah pemberian 'Taraf Tetamu' (*guest status*);
- ii. pihak kementerian/agensi bolehlah menggunakan prinsip timbal balas dalam menentukan kemudahan yang hendak disediakan. Dalam hubungan

ini, pihak kementerian/agensi boleh merujuk rekod berkenaan kemudahan dan layanan yang telah diterima oleh kenamaan Malaysia semasa berada di negara berkenaan;

- iii. setiap permohonan perlulah mendapat ulasan Kementerian Luar Negeri sebelum diangkat kepada YAB Perdana Menteri atau Ketua Setiausaha Negara. Kemudahan dan layanan yang diterima oleh kenamaan Malaysia semasa berada di negara berkenaan perlulah dinyatakan dalam permohonan bagi memudahkan pihak Kementerian Luar Negeri memberi ulasan yang sewajarnya;
- iv. pihak kementerian/agensi hendaklah menanggung segala kos perbelanjaan bagi penyediaan kemudahan dan layanan untuk kenamaan Negara asing berkenaan serta petugas yang terlibat. Dalam hubungan ini, kementerian/agensi boleh merujuk BIUPA bagi penyediaan bajet kemudahan dan layanan yang akan disediakan; dan
- v. kelulusan pemberian taraf tetamu perlu dikemukakan kepada BIUPA dengan kadar segera untuk penyelarasan lanjut.

4. Sukacita dilampirkan bersama-sama ini sesalinan Surat Pekeliling Am Bilangan 9 Tahun 1981 untuk rujukan YBhg. Tan Sri/Datuk/tuan/puan. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih jua.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI)
Jabatan Perdana Menteri
b.p. Ketua Setiausaha Negara

s.k.

YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Hj. Bakar

Ketua Setiausaha Negara

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Badariah Arshad

Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri

Pejabat Perdana Menteri

Aras 5, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA



Semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Ruj. Kami: PM. (R) 11880/A/326 Jld.1

Tarikh: 16hb. Oktober, 1981

SURAT PEKELILING AM BIL. 9 TAHUN 1981

Jemputan/Lawatan Ke Malaysia Oleh Tetamu-
Tetamu dari Luar Negeri

1.1 Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk memberi garis panduan dan menjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil semasa menguruskan jemputan/lawatan tetamu-tetamu dari luar negeri iaitu seperti berikut:-

1.2 Pengelolaan oleh Kementerian

(a) lawatan oleh Ketua Negara, Ketua Kerajaan, Menteri Luar dan Pegawai-pegawai Pertubuhan Antarabangsa umpamanya Setiausaha Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan dikelolakan oleh Kementerian Luar Negeri;

(b) lawatan oleh Menteri, Timbalan Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pegawai-pegawai pertubuhan antarabangsa yang mempunyai hubungan rapat dengan tugas sesuatu Kementerian umpamanya dari WHO, FAO dan sebagainya akan dikelolakan oleh Kementerian-kementerian berkenaan;

1.3 Ulasan dari Kementerian Luar Negeri

(a) pemberitahu jemputan/lawatan yang dihantar terus kepada sesuatu Kementerian hendaklah dirujuk kepada Kementerian Luar Negeri untuk mendapat ulasan terlebih dahulu;

(b) pemberitahu jemputan/lawatan yang disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri untuk ditujukan kepada sesuatu Kementerian akan dipanjangkan kepada Kementerian tersebut beserta dengan ulasan Kementerian Luar Negeri;

(c) setelah mendapat ulasan dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian-kementerian berkenaan bolehlah meneruskan tindakan selanjutnya bagi mendapatkan penentuan taraf tetamu dan peruntukan serta bagi memastikan layanan dan aturcara disediakan dengan sempurna dan teratur;

(d) lawatan tidak rasmi pemimpin-pemimpin negara asing hendaklah juga terlebih dahulu dirujukkan kepada Kementerian Luar Negeri;

1.4 Penentuan taraf tetamu

(a) taraf tetamu Kerajaan boleh diberi kepada semua Menteri-menteri dari negara-negara asing. Y.B. Menteri berkenaan hendaklah memohon kepada Y.A.B. Perdana Menteri supaya rakan sejawatnya dari negara asing itu diberi taraf tetamu Kerajaan;

(b) bagi tetamu rendah dari peringkat Menteri umpamanya Timbalan Menteri, pertimbangan untuk taraf tetamu boleh diberi atas dasar timbalbalas (reciprocity) atau bagi mengeratkan lagi perhubungan diplomatik diantara malaysia dan negara berkenaan. Y.B. Menteri/-Timbalan Menteri berkenaan bolehlah mengemukakan permohonan kepada Y.A.B. Perdana Menteri untuk mendapatkan taraf tetamu bagi tetamu tersebut;

(c) bagi tetamu-tetamu di peringkat pegawai, pertimbangan untuk taraf tetamu boleh juga diberi jika difikirkan perlu. Kementerian berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan tersebut kepada Ketua Setiausaha Negara untuk kelulusan setelah mendapat ulasan Kementerian Luar Negeri;

1.5 Pengesahan Jumaah Menteri

(a) lawatan oleh Ketua Negara, Ketua Kerajaan, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri serta pegawai-pegawai

tertinggi dari Pertubuhan Antarabangsa setelah dipersetujui oleh Y.A.B. Perdana Menteri mengenai taraf dan layanan yang patut diberi kepada mereka hendaklah dikemukakan kepada Jumaah Menteri untuk makluman dan pengesahan;

(b) lawatan oleh tetamu-tetamu dari peringkat pegawai tidak perlu dikemukakan kepada Jumaah Menteri.

1.6 Jemputan kepada Pembesar Negeri

Jemputan kepada Pembesar-pembesar Luar Negeri tidak seharusnya dibuat kecuali setelah dipastikan dengan cara informal bahawa orang kenamaan yang hendak dijemput itu bersetuju atau telah menyatakan keinginannya terlebih dahulu untuk melawat Malaysia.


(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara